



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 23 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI BUAT PENILAIAN KEROSAKAN AKIBAT BANJIR, SH-ONLINE MAFI PERUNTUKAN RM10 JUTA LAKSANA PROGRAM PERTANIAN BANDAR TAHUN HADAPAN, BERNAMA-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	TAMAN ANGGUR PERLIS SUBUR, DALAM NEGERI, UM-32	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
4. 5. 6. 7.	600 NELAYAN TERIMA LESEN KHAS SAMPAN, NASIONAL, SH-28 50 PENTERNAK IKAN AIR TAWAR RUGI RM12 JUTA, NASIONAL, BH-22 RUGI RM12 JUTA AKIBAT BANJIR LUMPUR, NEGARA, KOSMO-16 50 PENTERNAK IKAN KOLAM RUGI 12j, LOKAL, HM-7	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	BINA 3 PROJEK PERUMAHAN NELAYAN, PANTAI TIMUR, HAKAKAH-H14	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
9.	HARAKAH DIHARGAI MADA, UTARA, HAKAKAH-H16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10. 11. 12. 13. 14. 15. 16.	2,000 UDANG KARA MATANG MUSNAH, LOKAL, HM-7 PENGUNAAN TEKNOLOGI BOLEH BANTU PENURUNAN KOS PENGELUARAN, GENERAL NEWS, HAKAKAH-H23 LOBSTER ENTREPRENUER SUFFERS LOSSES DUE TO FLOODS, LOCAL NEWS, NST-10 LOBSTER FARMERS LOSES STOCK TO RISING WATERS, NATIONAL, THE SUN-5 MORE MALAYSIANS INTO HOME GARDENING, NEWS IN BRIEF, NST-10 AYAM PUNCA INFLASI NAIK 3.3 PERATUS, NIAGA, KOSMO-38 WOMAN HAS TWO FARMS NOW AFTER PLANTING CHILLIES AT HOME, NATION, THE STAR-12	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
23/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI BUAT PENILAIAN KEROSAKAN AKIBAT BANJIR

FARAH SHAZWANI ALI | | 21 Disember 2021



Ronald (tiga dari kanan) beramah mesra dengan mangsa-mangsa banjir dan menyerahkan bantuan.

HULU LANGAT- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sedang membuat penilaian bagi mengenal pasti kerosakan dan jumlah kerugian sebenar yang dialami oleh golongan petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas akibat bencana banjir.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, MAFI melalui jabatan dan agensi berkaitan telah dan akan menyediakan pelbagai bantuan bagi meringankan beban yang dihadapi oleh mangsa.

Menurutnya, ia termasuklah bantuan bekalan makanan (food basket) seperti beras, tepung, tin sardin, susu, minyak, telur dan sebagainya.

Selain itu, bantuan kilat juga diberikan kepada keluarga nelayan yang terkesan.

"Kerajaan sememangnya prihatin dengan mangsa banjir di seluruh negara dan setakat ini, kita telah menyediakan peruntukan keseluruhan berjumlah RM200 juta sebagaimana yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan dalam usaha menangani impak banjir.

"Di bawah MAFI juga, terdapat bantuan yang diberikan mengikut jenis tanaman iaitu tanaman padi dan tanaman agromakanan bertujuan membantu meringankan beban yang dialami oleh petani yang terkesan akibat bencana alam," katanya.

Beliau berkata demikian setelah mengadakan lawatan ke Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hulu Langat bagi meninjau kawasan yang terlibat bencana banjir.

Dalam lawatan tersebut, Ronald telah menyampaikan bantuan MAFI Prihatin membabitkan kira-kira 200 ahli PPK yang terkesan akibat banjir.

Antara PPK lain yang turut terjejas di Selangor selain PPK Hulu Langat termasuk PPK Klang, PPK Dengkil dan PPK Kuala Langat.

Sementara itu, MAFI bersama Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah mengadakan aktiviti pembersihan bersama Kelab Sukan Dan Rekreasi (KSR) LPP Selangor dan Skuad AKRAB MAFI.

Ia turut disertai Timbalan Menteri MAFI 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah dan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid.

MAFI juga katanya, telah membuka Bilik Gerakan Banjir dan menggerakkan operasi di semua peringkat bagi membantu warga petani, peladang, penternak dan nelayan yang terjejas akibat banjir di seluruh negara.

Bilik Gerakan Banjir MAFI boleh di hubungi di talian 03-8870 1664/1491 atau e-mel bilikgerakan@mafi.gov.my untuk mendapatkan maklumat berkaitan pembukaan dan pengoperasian bilik gerakan bantuan banjir untuk sektor pertanian dan industri makanan.

© 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karang kraf

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/12/2021	BERNAMA	ONLINE	

MAFI PERUNTUKKAN RM10 JUTA LAKSANA PROGRAM PERTANIAN BANDAR TAHUN HADAPAN



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiang (tengah) bersama timbalannya, Datuk Seri Ahmad Hamzah (dua, kanan) melihat barangan makanan yang dibekalkan kepada operator perkapalan ketika hadir pada Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara FAMA Corporation Sdn. Bhd. dan Alpha Resources Berhad Group di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

JASIN, 19 Dis -- Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan kira-kira RM10 juta bagi melaksanakan Program Pertanian Bandar di 1,430 lokasi di seluruh negara pada tahun hadapan.

Timbalan Menteri MAFI I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata pelaksanaan program itu, dijangka akan memanfaatkan 13,075 peserta menerusi penerimaan kit pertanian bandar, yang dianggarkan RM300 setiap set bagi seorang penerima.

Beliau berkata program tersebut juga dijangka dapat mengeluarkan kira-kira 2,200 tan tanaman sayur-sayuran untuk kegunaan peserta terlibat, dalam usaha membantu meringankan beban kos sara hidup dan kenaikan harga barangan khususnya sayur-sayuran.

"Program Pertanian Bandar semakin mendapat sambutan dan ia kini telah diperluaskan secara berperingkat ke kawasan luar bandar, berbanding fokus utamanya sebelum ini yang menyasarkan kawasan bandar.

“Pada masa sama, ia memberi manfaat pada bukan sahaja pada aspek ekonomi dan sosial masyarakat setempat, malah menyokong keperluan makanan penduduk bandar dan bandar,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Penyerahan Kit Pertanian Bandar Jabatan Pertanian Melaka di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, beliau menyampaikan sebanyak 270 kit pertanian bandar kepada peserta program dari Dewan Undangan Negeri (DUN) Merlimau dan DUN Serkam, dan ia turut hadir Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Regulatori) Jabatan Pertanian Norsam Alwi.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata berdasarkan laporan penyelidikan yang dilakukan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), perbelanjaan isi rumah dapat dikurangkan sehingga RM66 sebulan secara purata, sekiranya mereka menanam sayur sendiri.

Beliau berkata justeru, pelaksanaan Program Pertanian Bandar bertepatan dengan situasi semasa, untuk memastikan golongan B40 terus dibantu dan tiada Keluarga Malaysia terkesan akibat proses pambandaran yang pesat.

Sementara itu, katanya kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM63.32 juta bagi pelaksanaan Program Pertanian Bandar dalam tempoh 2012 hingga tahun ini.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM30 juta salurkan sebagai peruntukkan tambahan selain peruntukan tahunan sebanyak RM4.5 juta pada tahun ini untuk memberi manfaat kepada 39,608 peserta di 25,775 lokasi di seluruh negara,” katanya.

-- BERNAMA

Taman anggur Perlis subur

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulla.com.my

KANGAR: Berkunjung ke Perlis pastinya tidak lengkap jika tidak mengunjungi Taman Buah-Buahan Eksotik yang dahulunya dikenali sebagai Taman Anggur, antara lokasi tarikan pelancong di negeri ini.

Menariknya, terdapat sembilan jenis varieti anggur di kawasan seluas 0.2 hektar itu sekali gus mengundang keterujaan pengunjung.

Pengarah Jabatan Pertanian negeri, Hafizuddin Othman berkata, bagaimanapun pokok anggur yang ditanam itu adalah untuk tujuan pameran dan pembelajaran buat masa ini.

Katanya, sebelum ini, sekitar 2010 dan 2011, buah berkenaan pernah dikomersialkan dan dijual kepada pengunjung namun lokasi itu ditutup pada 2013.

Jelasnya, apabila dibuka semula pada 2016, tanaman tersebut hanya untuk pameran.

"Jika pengeluaran buah semakin baik, kami tidak menolak kemungkinan akan menjual hasil buah kepada pengunjung yang datang ke sini. Buat masa ini, banyak pokok adalah baharu iaitu sebanyak 80 peratus yang berusia antara lima hingga dua tahun manakala 20 peratus adalah pokok lama yang ditanam sejak 2008.



POKOK anggur menjadi antara daya tarikan pengunjung di Taman Buah-Buahan Eksotik Perlis, Sungai Batu Pahat, Kangar, Perlis. - UTUSAN/NAZLINA NADZARI

"Pokok anggur sebenarnya tidak mengambil masa yang lama untuk berbuah. Umur setahun pun sudah boleh berbuah dengan penjagaan yang baik," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Tambahnya, antara jenis anggur yang ditanam di taman itu adalah seperti IAC, Isabella, White Malaga, Cardinal, Loose Parlette, Black Queen, dan Pok-Dam.

Sementara itu, Hafizuddin memberitahu, Taman Buah-Buahan Eksotik seluas sembilan hektar yang dijenamakan semula tahun ini, terbahagi kepada tiga laman iaitu laman anggur, laman Superfruit dan laman Nadir.

"Antara pokok 'superfruit' yang ada di sini adalah gag, defina, markisa, buah naga, buah tin dan zaitun.

"Selain itu, Laman Nadir hasil

inisiatif jabatan adalah bagi mengumpul dan melindungi spesies spesies tumbuhan dan pokok nadir yang hampir pupus agar dapat dikenali oleh generasi akan datang.

"Kami baru sahaja menanam pokok nadir pada tahun lepas dan antaranya adalah pokok mentega, kundang, asam gelugur, kandis, nam nam, keriang dot dan sebagainya," jelasnya.

Headline	600 nelayan terima lesen khas sampan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	23 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	28	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	190 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,028
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,084



600 nelayan terima lesen khas sampan

KEMAMAN - Seramai 600 nelayan di daerah ini menerima lesen khas nelayan sampan yang diserahkan kerajaan negeri dengan kerjasama Jabatan Perikanan Malaysia (Terengganu).

Exco Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar negeri, Dr Azman Ibrahim berkata, sebelum ini pihaknya berusaha mendapatkan lesen khas terbabit bagi memberi peluang kepada nelayan-nelayan negeri ini agar rasa lebih selamat dan bebas untuk menangkap ikan.

“Dengan adanya lesen khas ini maka dapatlah nelayan menikmati beberapa kemudahan daripada kerajaan negeri dan mereka dapat turun dengan tenang ke laut serta tidak dinafikan daripada mendapat elaun sara hidup nelayan, bantuan bencana dan sebagainya.

“Saya berharap dengan usaha tersebut sektor perikanan di negeri ini akan berkembang dan hasil tangkapan yang didaratkan akan dapat direkodkan,” katanya kepada pemberita selepas ditemui sempena Majlis Pecah Tanah Projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) Pulau Skepeng pada Isnin.

Sepanjang tahun ini, seramai 415 nelayan di negeri itu sudah menerima manfaat daripada agihan bantuan peralatan seperti *fishfinder*, kawat



Azman (tengah) melakukan aksi mendayung sampan sebagai gimik perasmian sempena Majlis PSN.

bubu, pukot tangsi dan kit memancing.

Dalam pada itu, Azman berkata, sepanjang tahun ini, pihaknya telah melepaskan sebanyak 1.36 juta benih ikan pelbagai spesies ke perairan umum seperti baung, udang galah, sebarau, kelah dan patin selain penyerahan daripada Bantuan Tabung Bencana Pertanian berjumlah RM84,500 melibatkan 70 penternak ikan.

“Selain itu, menerusi sokongan Dana Skim Bantuan Modal Tani berjumlah RM1,331,440 telah diserahkan kepada 57 penternak akuakultur di negeri ini sepanjang tahun,” jelasnya.

Headline	50 penternak ikan air tawar rugi RM12 juta		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	82,252
Page No	22	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	431 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,272
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,816



50 penternak ikan air tawar rugi RM12 juta

Kolam pecah, dilimpahi banjir lumpur punca ternakan mati

Jelebu: Seramai 50 penternak ikan air tawar di daerah ini mengalami kerugian RM12 juta susulan banjir yang melanda sejak Sabtu lalu, kata Ketua Perikanan Daerah Jelebu, Mohd Azhar Jusoh.

Beliau berkata, banjir yang membawa lumpur itu menyalak kolam ikan dan menyebabkan ratusan pelbagai jenis ikan air tawar termasuk ikan tilapia merah, baung dan udang galah mati serta dibanyutkan arus banjir.

"Selain kolam dilimpahi air berlumpur, ada juga yang pecah menyebabkan ternakan terlepas keluar. Bekalan oksigen ke kolam turut terputus selepas kawasan berkenaan mengalami gangguan bekalan elektrik dan ikan hanya mampu bertahan selama empat jam sebelum semuanya mati," katanya kepada



Ribuan ikan mati akibat banjir di Jelebu, Negeri Sembilan.

(Foto Abuor Hamizan Abi Manap/BER)

BERNAMA, semalam.

Katanya, kerugian itu melibatkan kerosakan kolam, peralatan dan makanan ikan yang turut musnah.

"Kerugian akibat banjir yang melanda daerah itu disifatkan

penternak sebagai paling besar dialami mereka setakat ini.

"Pejabat Perikanan Daerah (PPD) Jelebu akan membuat pemantauan dari semasa ke semasa bagi membantu pengusaha membaik pulih kerosakan kolam ter-

nakan," katanya.

Beliau berkata, data berkenaan kerosakan kolam akan dikumpul untuk dihantar ke Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi tindakan selanjutnya. **BERNAMA**



Mohd Azhar Jusoh,
Ketua Perikanan Daerah Jelebu

“Kerugian akibat banjir yang melanda daerah itu disifatkan penternak sebagai paling besar dialami mereka setakat ini”

Ratusan ribu ikan air tawar milik 50 penternak mati

Rugi RM12 juta akibat banjir lumpur

Oleh NURULAZMA SHAFIQAH
KHAIRUL AZHAR

JELEBU – Kejadian bah besar yang melanda sekitar daerah ini Sabtu lalu menjadi mimpi ngeri buat 50 penternak ikan air tawar selepas ratusan ribu hidupan air pelbagai jenis mati akibat banjir lumpur.

Ketua Perikanan Daerah Jelebu, Mohd. Azhar Jusoh berkata, pihaknya menganggarkan jumlah kerugian keseluruhan yang ditanggung oleh kesemua pengusaha tersebut mencecah sehingga RM12 juta.

Menurut beliau, banjir yang berlaku telah membawa sama lumpur sehingga masuk ke kolam ternakan ikan yang diusahakan sekali gus menyebabkan ratusan ribu pelbagai jenis ikan air tawar mati.

“Bekalan oksigen ke kolam ternakan ikan terputus apabila kawasan berkenaan turut mengalami gangguan bekalan elektrik. Ikan hanya mampu bertahan selama empat jam tanpa oksigen sebelum mati.

“Kebanyakan ikan yang mati ini sudah sedia untuk dijual malah ada yang telah pun

ditempah oleh pelanggan,” katanya ketika ditemui di Felda Titi di sini semalam.

Menurut Mohd. Azhar, selain kolam yang dilimpahi air berlumpur, terdapat juga kolam yang pecah menyebabkan ikan terlepas keluar,” jelasnya.

Mohd. Azhar berkata, kerugian itu turut membabitkan kerosakan kolam, peralatan dan makanan ikan yang musnah.

“Kebanyakan pengusaha tersebut menternak ikan seperti likuh, tilapia merah, lampam, haruan, baung, keli dan juga udang galah,” ujarnya.



SEBAHAGIAN ikan air tawar di salah sebuah kolam ternakan ikan di Felda Titi, Jelebu yang mati susulan kejadian banjir yang melanda daerah Jelebu, Sabtu lalu.

50 penternak ikan kolam rugi RM12j

Jelebu: Lima puluh penternak ikan di daerah ini kerugian kira-kira RM12 juta selepas ikan di kolam masing-masing mati akibat banjir.

Ketua Perikanan Daerah Jelebu Mohd Azhar Jusoh berkata, banjir yang membawa lumpur sehingga memasuki kolam ternakan menyebabkan ratusan ribu ikan air tawar pelbagai jenis mati.

"Bekalan oksigen ke kolam turut terputus selepas kawasan berkenaan mengalami gangguan bekalan elektrik.

"Dalam keadaan tertentu, ikan hanya mampu bertahan selama empat jam tanpa oksigen," katanya.

Mohd Azhar berkata, ikan yang mati ada yang sudah boleh dijual, malah ada yang sudah ditempah pelanggan.

Katanya, selain kolam di-



Dalam keadaan tertentu, ikan hanya mampu bertahan selama empat jam tanpa oksigen"

Mohd Azhar

limpahi air berlumpur, ada juga kolam yang pecah menyebabkan ikan terlepas.

Mohd. Azhar berkata, kerugian itu turut membabitkan kerosakan kolam, peralatan dan makanan ikan yang musnah.

"Ikan tilapia merah, leekoh, lampam jawa, haruan, baung, keli, puyu dan udang galah antara yang mati dalam bencana ini.

"Ini kerugian paling besar dialami penternak dalam banjir luar biasa yang melanda daerah ini," katanya.



SEBAHAGIAN udang kara yang mati ditenggelami banjir.

lan dan Tumpuan Ternakan Udang Kara (Hub Petukar) pada 2019.

"Keuntungan yang diperoleh untuk setahun lebih kurang 800,000. Jadi waktu sekarang adalah waktu paling sukar, saya anggap ini adalah ujian Allah dan saya yakin akan dapat membina semula operasi seperti sediakala," katanya.

Sementara itu, Mafi me-

lalui Mafi Prihatin turun memberikan sumbangan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hulu Langat yang terjejas dalam bencana itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Khande turut meninjau keadaan ahli-ahli PPK yang terjejas bagi merangka bantuan yang sesuai untuk diberikan.

Bina tiga projek perumahan nelayan

KEMAMAN: Kerajaan Terengganu melaksanakan tiga projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan (PSN) bagi menyediakan rumah yang lebih selesa kepada golongan terbabit.

Tapak projek tersebut iaitu Pulau Skepeng Kemaman, Besut dan Setiu.

Anggota Exco kerajaan negeri Dr Azman Ibrahim berkata, projek itu melibatkan pembinaan 50 unit rumah di setiap tapak dengan kos RM29 juta.

Katanya kos terbabit iaitu RM13 juta dari peruntukan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan RM16 juta lagi peruntukan kerajaan negeri.

"Tambah RM10 juta untuk kerja-kerja tapak juga disumbang kerajaan negeri," katanya di sini.

Sebelum itu beliau menghadiri majlis pecah tanah projek PSN di Pulau Skepeng Kemaman. Hadir sama Adun Chukai Haniffah Mat.

Menurutnya juga harga sebuah sekitar RM148,000 namun dijual kepada nelayan sebanyak RM54,000.

Kata beliau berdasar harga itu kadar sewa beli sebanyak RM180 sebulan untuk tempoh selama 25 tahun.



Majlis pecah tanah projek Perumahan Penempatan Semula Nelayan Pulau Skepeng Kemaman.

"Alhamdulillah, perancangan PSN bermula Mei 2017, akhirnya berjaya dilaksanakan pada tahun 2021.

"Terima kasih kepada pasukan dalam Jawatan Kuasa Khas PSN terdiri daripada UPEN dan SUK Perumahan, LKIM, JKR, PMINT, Pejabat Daerah, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah," ujarnya.

Dr Azman juga berkata, sepanjang tahun ini kerajaan Terengganu melaksanakan pelbagai program termasuk pemberian 600

“Tambahan RM10 juta untuk kerja-kerja tapak juga disumbang kerajaan negeri.”

Lesen Sampar Nelayan, membina jeti perikanan di Geliga Kemaman, Kampung Batin Seberang Takir, Kampung Tok Fakir Pengkalan Berangan dan Kampung Fikri Setiu.

Selain itu membina bilik sejuk di Marang dan Kampung Batin Seberang Takir, membina slip way baik pulih bot di Marang serta melabuhkan 340 unjam di semua daerah.

Harakah dihargai MADA

Oleh **SARINA ISMAIL**

ALOR SETAR: *Harakah* antara yang terpilih menerima sijil penghargaan sempena Malam Setulus Budi, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada malam 17 Disember lalu.

Sijil penghargaan berkenaan disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Haslina Abd Hamid sebagai Menteri Makanan (MAFI), Dato' Haslina Abd Hamid sebagai Menteri mengiktiraf sumbangan media atas liputan aktiviti dan kemajuan MADA sepanjang tahun 2021.

Bersama *Harakah*, terdapat lapan lagrmedia yang turut menerima penghargaan yang sama.

Malam Setulus Budi 2021, MADA yang diadakan

di Dewan Convention, Raia Hotel, Alor Setar itu untuk meraikan pegawai dan kakitangan lembaga berkenaan yang bersara pada tahun ini.

Antara yang menyampaikan ucapan pada malam penuh berprestij, itu termasuklah Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman, wakil pesara, selain perasmian oleh Dato' Haslina sendiri.

Pada malam itu juga seramai 13 kakitangan cemerlang turut mendapat sijil penghargaan dari pihak pengatijur.

Hadirin juga berpeluang menonton tayangan montaj kejayaan dan aktiviti MADA sepanjang tahun 2021.

Turut hadir, Ketua Pengerus Besar MADA, Kamarudin Dahuli.



Wartawan *Harakah* Kedah, Sarina Ismail (kanan) menerima sijil penghargaan yang disampaikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Dato' Haslina Abd Hamid, sempena Malam Setulus Budi 2021, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), di Dewan Convention, Raia Hotel, 17 Disember lalu.

Headline	2,000 udang kara matang musnah		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	23 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	112,705
Page No	7	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	488 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 19,224
Frequency	Daily	PR Value	RM 57,673



2,000 udang kara matang musnah

Hab Petukar gagal diselamatkan dalam banjir Sabtu lalu

Kuala Lumpur

Lebih dua ribu udang kara matang yang siap untuk dipasarkan bernilai puluhan ribu ringgit antara yang musnah dalam kejadian banjir besar di Hulu Langat Sabtu lalu.

Projek Hab Pengumpulan dan Tumpuan Ternakan Udang Kara (Hab Petukar) yang diusahakan bekas penjawat awam, Suhaldi Shuib, 36, di belakang rumahnya di Dusun Tua, Hulu Langat itu gagal diselamatkan apabila air naik terlah pantas hingga menenggelamkan 80 tangki yang mengandungi udang itu.

Dalam kejadian jam 9 malam itu, air mula memasuki rumah sedalam paras paha dan terus meningkat hingga ke tingkat rumah pada awal pagi keesokkannya.

"Dalam jam 10, alat pengesan yang dipasang pada tangki memberi amaran kenaikan air dan pam oksigen sedia ada yang menggunakan elektrik terpadam, sebelum ia bertukar kepada pam yang menggunakan bateri.

"Namun pada jam 11 ma-

lam apabila talian internet turut terputus, alat pengesan juga tidak berfungsi lagi dan tenggelam," katanya.

Selain udang kara, turut musnah dalam bencana itu adalah barang-barang elektronik yang digunakan untuk projek udang kara, barangan pejabat serta gerai makan yang dibina di kawasan rumahnya. Kerugian dianggarkan sekitar RM60,000.

Suhaldi yang sudah beru-

mahtangga dan tinggal bersama keluarganya mengusahakan ternakan udang kara secara serius sejak enam tahun lalu setelah membuat keputusan meninggalkan kerjaya sebagai petjawat awam.

Beliau yang merupakan penerima geran agropreneur muda daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) mendapat bantuan RM30,000 ketika berjinak-jinak memulakan projek itu, selain turut menerima bantuan Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang sebanyak RM100,000 dan mula membangunkan Hab Pengumpu-



SEBUAH BAGIAN udang kara yang mati ditenggelam banjir.

lan dan Tumpuan Ternakan Udang Kara (Hab Petukar) pada 2019.

"Keuntungan yang diperoleh untuk setahun lebih kurang 800,000. Jadi waktu sekarang adalah waktu paling sukar, saya anggap ini adalah ujian Allah dan saya yakin akan dapat membina semula operasi seperti sediakala," katanya.

Sementara itu, Mafi me-

lalui Mafi Prihatin turun memberikan sumbangan kepada ahli-ahli Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Hulu Langat yang terjejas dalam bencana itu.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ronald Kliaanee turut meninjau keadaan ahli-ahli PPK yang terjejas bagi merangka bantuan yang sesuai untuk diberikan.



TANGKI udang kara disaluti lumpur selepas banjir besar pada Sabtu lalu.

24 DEC, 2021

Penggunaan teknologi boleh bantu penurunan kos pengeluaran

Harakah, Malaysia

Page 1 of 2



Datuk Amzad menunjukkan ayam segar yang dijual dengan harga borong.



Datuk Amzad berkata penurunan harga hingga 20 peratus.



Datuk Amzad dan Saहरुuddn (kanan) melihat harga bawang yang dijual di PJKM.

Penggunaan teknologi boleh bantu penurunan kos pengeluaran

Oleh **KHAIRUL AZLAM MOHAMAD**

KUALA TERENGGANU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) boleh membantu negara dalam aspek bagi penurunan kos pengeluaran produk pertaniannya melalui penggunaan teknologi baharu.

Timbalan MOSTI, Datuk Ahmad Amzad Hashim berkata, isu-isu yang berkait dengan penggunaan baja dan racun yang semakin meningkat telah menjadikan kos pengeluaran produk pertanian itu naik.

"MOSTI banyak membantu dalam aspek penurunan kos pengeluaran produk pertanian melalui penggunaan teknologi. Ini sudah tentu dalam tempoh yang segera."

"Saya lihat Kementerian lain seperti MAE (Kementerian Pertanian dan Industri Makanan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saहरुuddin Mohd Kia, Pegawai Khas Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Syed Ali Al-idrus serta empat orang Pembantu Khas Parlimen (DUN) Batu Burok, Ladang, Bandar dan Wakaf

berkait dengan baja, racun kerana harga kos bagi kedua-dua bahan ini sangat meningkat (naik).

"Jadi kerana itulah di peringkat MOSTI sekarang ini dan beberapa kajian pernah dilaksanakan itu dibincang kembali, supaya bagaimana penggunaan baja-baja yang menggunakan baja Nano Teknologi. Dia (nano) tidak menggunakan kuantiti (baja) yang banyak, mungkin harga dia mahal tetapi dia tidak perlu digunakan dengan kuantiti yang banyak," ujarnya.

Bellu berkata demikian pada sidang mediannya ketika, Hari Bertemu Rakyat Sempena Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di perkamparan hadapan Muzium Negeri, Bukit Losong, Kuala Terengganu, di sini, pada 18 Disember.

Hadir sama pada program itu, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Terengganu, Saहरुuddin Mohd Kia, Pegawai Khas Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Syed Ali Al-idrus serta empat orang Pembantu Khas Parlimen (DUN) Batu Burok, Ladang, Bandar dan Wakaf

Memperah.

Menurut Datuk Amzad, penggunaan Nano Teknologi juga secara keseluruhannya menjadikan kos lebih murah tetapi perlu mengambil masa yang lebih lama sebelum diterima sepenuhnya.

"Begitu juga termasuk memperkenalkan varieti pertanian menggunakan teknologi baharu misalnya pelanaran beras IS21. Jadi beras IS21 ini boleh mengurangkan pengeluaran untuk setiap hektar tanaman padi."

"Jika sebelum ini, kita (petani) dapat tiga tan setiap ekar tapi (IS21) dapat ditingkatkan tiga kali ganda dan dia lebih tahan penyakit, kutang (guna) baja, kurang air dan sebagainya. Ini dapat membantu menurunkan kos," jelasnya.

Selain itu, kata Ahli Parlimen Kuala Terengganu itu kaedah kaedah lain termasuk penggunaan teknologi angkasa dalam membantu pengesanan kawasan ikan dan lain-lain.

"Jadi, ini boleh membantu untuk melihat impak (kesan) dari segi masa) terdapat pengenalan teknologi ini, sudah tentulah memerlukan perancangan yang melibat-



Sayur dijual dengan harga lebih murah.

kan kerjasama semua pihak," ujarnya.

Sempena PJKM ini, kata Datuk Amzad bahawa pengurangan harga barangan sehingga 20 peratus lebih murah berbanding dengan harga biasa di pasar pasar malam pun di kedai.

"Penduduk di Parlimen Kuala Terengganu pun tidak terkecuali berdepan dengan masalah harga barang naik dan sebagainya, yang sudah tentulah dengan adanya Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) ini, seperti yang

disasarkan.

"Pengurangan harga hingga 20 peratus turun. Ini jauh lebih murah berbanding pergi ke pasar, kedai. Hari ini, saya lihat ramai rakyat di Kuala Terengganu mengambil peluang untuk membelinya."

"Saya ucap terima kasih kepada pihak Kementerian, semua agensi kerajaan dan rakan strategik seperti EAMA (Lembaga Pemastautan Pertanian Persekutuan), Jabatan Pertanian Negeri Terengganu, Lembaga Kemajuan Ikan

Malaysia (LKIM), Persatuan Nelayan Kebangsaan (NEKMAT), Terengganu Agrotech Development Corporation (TADC), Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Setiu, Persatuan Nelayan Negeri Terengganu (PENENTU) dan Jabatan Penerangan Negeri Terengganu," ujarnya.

Katanya, pada 4 Disember lalu PJKM telah dilaksanakan di Parlimen Hulu Terengganu dan pada 18 Disember diadakan serentak di tujuh kawasan Parlimen



24 DEC, 2021

Penggunaan teknologi boleh bantu penurunan kos pengeluaran

Harakah, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Datuk Amzad menunjukkan ayam segar yang dijual dengan Datuk Amzad berkata penurunan harga hingga 20 peratus. harga borong. Datuk Amzad dan Saharuddin (kanan) melihat harga bawang yang dijual di PJKM.

KUALA TERENGGANU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) boleh membantu negara dalam aspek bagi penurunan kos pengeluaran produk pertaniannya melalui penggunaan teknologi baharu.

Headline	Lobster entrepreneur suffers losses due to floods		
MediaTitle	New Straits Times		
Date	23 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	36,278
Page No	10	Readership	108,834
Language	English	ArticleSize	64 cm ²
Journalist	Bernamea	AdValue	RM 2,206
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,618



Lobster entrepreneur suffers losses due to floods

KUALA LUMPUR: Over 2,000 lobsters worth tens of thousands of ringgit were destroyed in the massive floods in Hulu Langat on Saturday. The Lobster Collection and Concentration Hub project run by former civil servant Suhaidy Shuib, 36, behind his house in Dusun Tua, Hulu Langat, could not be salvaged when the water rose too fast, drowning 80 tanks filled with the crustaceans. He said water began to surge into the house and was thigh-high at 9pm. Meanwhile, Agriculture and Food Industries Ministry, through MAFI Prihatin, distributed aid to members of the Hulu Langat Area Farmers' Organisation affected by the disaster. Minister Datuk Seri Ronald Klandee also checked on the affected members to ascertain the assistance to be given. **Bernamea**

Headline	Lobster farmer loses stock to rising waters		
MediaTitle	The Sun		
Date	23 Dec 2021	Color	Black/white
Section	National	Circulation	297,582
Page No	5	Readership	892,746
Language	English	ArticleSize	95 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,549
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,648



Lobster farmer loses stock to rising waters

KUALA LUMPUR: Over 2,000 lobsters worth tens of thousands of ringgit were destroyed in the massive floods in Hulu Langat last Saturday.

The Lobster Collection and Concentration Hub project run by former civil servant, Suhaidy Shuib, 36, behind his house in Dusun Tua, Hulu Langat, could not be salvaged when water rose too fast, destroying the crustaceans kept in 80 tanks.

He said water began to surge into the house and was up to thigh-level at about 9pm.

"At 10pm, a detector installed on the tank (underground sump tank) warned of a rise in the water level and the existing oxygen pump that uses electricity was turned off, and a pump that uses batteries was switched on.

"However, at 11pm, when the internet line was also cut off, the detector also stopped working and sank," he told Bernama when met at his house on Tuesday.

Apart from the lobsters, electronic items used for the project, office supplies and food stalls at the premises were also destroyed, with losses estimated at RM60,000.

Meanwhile, the Ministry of Agriculture and Food Industries through Mafi Prihatin distributed aid to members of the Hulu Langat Area Farmers Organisation affected by the disaster.

Its minister Datuk Seri Ronald Kiandee also checked on the affected members to ascertain the appropriate assistance to be given.



*Universiti Putra
Malaysia
Agricultural
Development
Division
agricultural
officer
(Development)
Mahani Amat
showing the
vegetables she
grows at her
home. BERNAMA
PIC*

More Malaysians into home gardening

KUALA LUMPUR: With Malaysians spending more time at home now due to the ongoing Covid-19 pandemic, many people are taking to home gardening and horticultural activities as a pastime.

These activities are no longer restricted to those with spacious compounds as even urban dwellers are optimising their home space to create their own green corners in their front or backyards, and even balconies.

Whether they are growing edible greens for their own consumption or aesthetic plants for therapeutic reasons, the reality is gardening has become a trending hobby, according to Mahani Amat, an agricultural officer (Development) at the Agricultural Development Division at Universiti Putra Malaysia's University Community Transformation Centre.

Pointing to Google Trends statistics on top search queries since the start of the movement control order (MCO) in March last year, she said Malaysians had been consistently searching for information related to horticulture and home gardening.

"It clearly shows that horticulture and home gardening are some of the activities that have found a place in the hearts of

Malaysians.

"For example, at the beginning of the implementation of the MCO, the sansevieria plant (*pokok lidah jin*) became very popular and was sold at hundreds of ringgit each due to the rising demand for that plant.

"These days, the yam ornamental tree is growing in popularity," she said.

Mahani said the Agriculture Department statistics showed that 124,988 people, including individuals, schools, institutions and communities in 5,065 locations nationwide had been involved in urban agriculture programmes since 2014.

She also noted a rising number of nursery operators and individuals selling plants online due to the good response from Malaysians.

In encouraging Malaysians to plant vegetables for their own consumption, she said it had its economic benefits as it could help to reduce their food expenses, more so during the rainy season when vegetable prices shoot up.

Mahani said she grew her own lemongrass, pandan, kaffir lime and mint in her yard and saves up to RM200 a month on her kitchen expenses. **Bernama**

Ayam punca inflasi naik 3.3 peratus

PETALING JAYA - Indeks harga pengguna yang mengukur inflasi di Malaysia naik 3.3 peratus pada November lalu, didorong kenaikan harga makanan dan petrol.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Mohd. Uzir Mahidin berkata, peningkatan dipengaruhi oleh kenaikan pelbagai barangan terutamanya bagi kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol, pengangkutan dan perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain.

Menurut beliau, peningkatan paling ketara adalah pada harga bahan mentah untuk dimasak.

"Ayam yang merupakan kom-

ponen terbesar bagi item daging serta sumber protein utama pilihan rakyat Malaysia meningkat 16.7 peratus, kesan daripada kenaikan harga makanan ternakan terutamanya daripada sumber import.

"Ikan yang turut menjadi sumber protein popular dalam kalangan isi rumah terutamanya B40 juga mencatatkan kenaikan harga, dengan harga purata ikan kembong pada Novembar meningkat kepada RM15.57 berbanding RM14.68 setahun lalu.

"Susu, keju, telur dan sayur-sayuran masing-masing naik sebanyak 4.2 peratus dan 3.4

peratus, manakala harga bahan api masih kekal tinggi dan kos elektrik meningkat 34.6 peratus setelah diskaun bayaran elektrik berakhir pada bulan Septembar 2021," katanya dalam kenyataannya.

Menurut Mohd. Uzir, inflasi dijangka terus meningkat kesan daripada harga global bahan api, makanan dan bahan berkaitan pembinaan seperti besi.

"Pada masa sama, ia akan lebih stabil dengan pelaksanaan Skim Kawalan Harga Maksimum Keluarga Malaysia untuk 12 item makanan yang berkuat kuasa sehingga 31 Disember 2021," katanya.



MASALAH kenaikan harga bahan makanan termasuk ayam memberi kesan besar kepada pasaran dan juga pengguna. - GAMBAR HIASAN

Woman has two farms now after planting chillies at home

STARTING with just 1,000 polybags of chilli plants around her house, a female entrepreneur in Padang Terap, Kedah, is now an owner of two farms cultivated with various crops, reported *Utusan Malaysia*.

Saudah Ismail, 67, who is also the owner of Safri Mahmud Enterprise, is focused on using the "fertigation" agricultural method to cultivate chilli as well as rock melon, eggplant, cucumber, bitter gourd and

other vegetables.

Fertigation involves the injection of fertilisers into the irrigation system to improve production.

"We now harvest 300kg of chillies from 3,000 plants every two to three weeks. Around 2,000 to 3,000 polybags of chilli can be planted on 0.4ha of land with other crops," she said.

The farms are now being run by her son, Mohamad Safri Mahmud, 28.

> *Kosmo!* reported that actress and founder of Neelofar Hijab, Nor Neelofa Mohd Noor, had described the volunteers who stepped up to help during the floods throughout the country as "Malaysian heroes".

"For those who are still volunteering, thank you and take care of your safety, you are a Malaysian hero," she tweeted.

Neelofa, who was recently embroiled in controversy over vio-

lations of Covid-19 standard operating procedure with her husband, had also been extending help to flood victims.

She said the aid would soon be expanded to other states once approval had been obtained from the authorities.

"The assistance will last into the post-flood stage, such as contributions of household appliances and manpower for cleaning," she said.